

Semangat peran

KUSMO 24/06/08

Seramai 29 graduan dalam bidang Mekatronik Automotif dari Pusat Malaysia begitu bersemangat memanfaatkan ilmu yang mereka pelaj



KEMAJUAN teknologi automotif memerlukan mekanik mempunyai ilmu pengetahuan mendalam mengenai enjin moden.



ATC dilengkapi dengan peralatan diagnosis kenderaan terkini.

DI ATC, para pelatihnya diberikan latihan secara teori dan *hands-on*.



ntis ATC

M/S 32/33
Latihan Perantis Mercedes-Benz
jari sepanjang mengikuti kursus.

Oleh AHMAD SYUKRAN ZAINUDDIN
ahmadsyukran.zainuddin@kosmo.com.my

TEE CHIN KHIAM, mempunyai satu matlamat. Dalam tempoh lima tahun akan datang, perantis dari Pusat Latihan Perantis (ATC), Mercedes-Benz Malaysia ini berharap akan memperoleh sijil Kepakaran Diagnosis.

Seorang lagi graduan bidang Mekatronik Automotif dari institusi yang sama, Mohd Nor Akmal Anuar memberitahu selama tiga tahun belajar di sana, dia telah mempelajari segala asas sistem kenderaan moden.

Menerusi strategi diagnosis, Mohd Nor Akmal Anuar kini sudah mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesebuah kenderaan.

"Selain sistem mekanikal, saya juga banyak belajar berkaitan sistem elektrikal kenderaan yang terkandung di dalam kursus Mekatronik," katanya sambil tersenyum.

Untuk tiga tahun berturut-turut, ATC yang dikendalikan oleh pihak Mercedes-Benz Malaysia berjaya menghasilkan graduan yang pakar dalam bidang Mekatronik Automotif, setelah para pelatih ini menamatkan program pengajian masing-masing selama tiga tahun.

Selaku sebuah syarikat automotif terkemuka dunia, Mercedes-Benz cukup komited dalam memberi nilai terbaik kepada komuniti di mana ia beroperasi dan bertanggungjawab membina kemahiran anak-anak tempatan.

Matlamat inilah yang menjadi salah satu faktor penubuhan ATC pada tahun 2003. Sebenarnya, ATC adalah sebahagian daripada usaha pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi oleh pihak Mercedes-Benz Malaysia di negara ini.

Kursus Mekatronik Automotif adalah selari dengan usaha syarikat pengeluar automotif ini dalam melahirkan juruteknik berkemahiran tinggi dan terlatih bagi memenuhi permintaan yang tinggi daripada industri.

Ia juga sebahagian daripada eko-sistem Mercedes-Benz dalam memastikan rangkaian pengedar kenderaan jenama unggul itu memiliki sumber tenaga kerja pakar yang mencukupi bagi memenuhi ekspektasi setiap pelanggannya yang mahukan perkhidmatan bertaraf dunia.

Mengambil lokasi di Taman Industri Hicom Glenmarie di Shah Alam, Selangor, ATC adalah institusi pertama seumpamanya di Malaysia. Dilengkapi dengan peralatan latihan yang komprehensif dan bengkel, ATC telah direka bentuk untuk menaiki taraf kualiti pekerja bengkel kenderaan.

Setiap tahun, seramai 24 orang pelatih dipilih untuk menyertai kursus yang ditawarkan. Sebagai testimoni ke atas keberkesanan latihan yang diberi, pelatih ATC berjaya memperoleh anugerah tertinggi dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia ke-11 bagi segmen Automotif Perdagangan.

Selain itu, anugerah yang hampir sama turut dimenangi oleh pelatih ATC dalam pertandingan yang sama pada tahun 1994, 1996 dan 1999.

Mulai tahun 2000, ATC memperkenalkan modul pembelajaran yang dipanggil *Top-up Module*. Modul ini mengambil masa 10 bulan dalam program Latihan Automotif Elektrik/Elektronik. Modul tersebut dibina bagi membolehkan kemahiran pelatih selari dengan

kemajuan teknologi dan kondisi kenderaan yang semakin sofistikated.

Lebih menarik lagi, kursus tersebut ditaja sepenuhnya oleh Mercedes-Benz Malaysia dan para penganjurnya. Program selama tiga tahun ini meliputi teknologi asas automotif, teknologi termaju automotif dan latihan produk, sama ada untuk kereta penumpang mahu pun kenderaan komersial. Program ini turut memberi penekanan terhadap akademik dan latihan praktikal.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mercedes-Benz Malaysia, Peter Honegg, Malaysia akan terus menjadi pasaran utama jenama Mercedes-Benz.

Justeru, ATC merupakan salah satu pemangkin kepada Malaysia untuk menjadi hab automotif serantau menerusi inisiatif melatih rakyat tempatan berkaitan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi tinggi yang ada pada kenderaan mewah dan moden.

"Sebanyak 29 orang perantis ini sangat diperlukan oleh industri dan mereka telah pun mendapat latihan di ATC Mercedes-Benz Malaysia. Memandangkan Mercedes-Benz seringkali dikatakan sebagai produk automotif yang sarat dengan ciri mewah dan berteknologi tinggi, maka ATC bertanggungjawab melengkapkan para perantisnya dengan pengetahuan dan set kemahiran bertaraf dunia, terutamanya dalam membaik pulih enjin yang sangat moden.

"Kejayaan dan penerimaan graduan ATC dalam industri menjadi bukti terhadap keberkesanan latihan teknikal berkeupayaan tinggi dan kepakaran yang dimiliki oleh Mercedes-Benz," kata Honegg.

Beliau ditemui selepas majlis graduasi di Subang yang menyaksikan semua 29 perantis ini menerima sijil dalaman daripada ATC, selain Sijil k-Worker yang setaraf dengan sijil tahap ketiga Sijil Kemahiran Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemahiran dan Pembangunan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Berikutan prestij yang dimilikinya, Mercedes-Benz Malaysia menerima ratusan permohonan untuk menyertai kursus di ATC pada setiap tahun. Calon-calon yang disenarai



PARA graduan bergambar kenangan bersama jurulati



INDUSTRI sememangnya memerlukan pekerja bengkel yang mahir.

pendek akan menjalani proses pra-kelayakan yang ketat, selain perlu memenuhi standard yang telah ditetapkan seperti tahap pendidikan minimum.

Mereka yang dipilih layak menerima pelbagai faedah termasuk elaun bulanan, jaminan kerja dan gaji minimum menjelang graduasi.

Graduan yang berjaya akan ditempatkan di rangkaian pengedar Mercedes-Benz di seluruh negara. Pada tahun ini, anugerah Pelajar Terbaik menjadi milik Ng Xung-I yang akan memulakan tugasnya di Ipoh Motors Sdn. Bhd. Sementara seorang pelajar dari Korea, Lee Eon

Jun memberitahu, dia akan dihantar ke sebuah cawangan Mercedes-Benz di Korea.

Ditanya apakah nasihat yang ingin disampaikan kepada pelajar *junior* di ATC, salah seorang graduan, Wong Yong Sheng menyatakan tidak kira betapa pandai pun seseorang itu, pelatih perlu memiliki sikap yang positif terhadap pelajarannya.

"Sama sahaja dengan bidang-bidang lain, anda perlu mempunyai disiplin, rasa tanggungjawab dan kesungguhan untuk belajar jika mahu berjaya dalam kerjaya penuh cabaran ini," ujarnya.



I GRADUATION C R AUTOMOTIVE MECHATRONIC

JUNE 2008



PETER HONEGG menyampaikan sijil kepada Agnes Yee Hong Ming.